



## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA (MPFN) KE-41

---

**PUTRAJAYA, 17 April 2023 –** YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-41 (Bil.1/2023) di Dewan Persidangan ICU, Jabatan Perdana Menteri pada hari ini. Sebanyak lima (5) Kertas Kerja telah dibentangkan yang terdiri daripada dua (2) kertas nasihat, dua (2) kertas persetujuan dan satu (1) kertas pertimbangan khas (*alert paper*). Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Menteri-Menteri Persekutuan yang berkaitan dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan.

MPFN Ke-41 menyarankan agar Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempercepatkan tempoh kelulusan pembangunan sebagai satu langkah **memudah cara urus niaga (ease of doing business)** untuk meningkatkan keyakinan pelabur asing dalam menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara yang berdaya saing di peringkat global. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (khususnya melalui PLANMalaysia) perlu menjadi penyelaras atau penasihat dalam memudah cara urusan permohonan cadangan pembangunan oleh pihak pelabur (khususnya pelabur luar negara) bagi memastikan proses kebenaran merancang, pelan bangunan, pelan kejuruteraan dan sebagainya dapat dipercepatkan.

MPFN Ke-41 telah bersetuju dengan cadangan **Pemakaian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) dalam Pembangunan Tanah** yang telah disediakan oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui Jabatan Pengairan dan Saliran. PISMA ini dilihat sebagai salah satu solusi dalam menangani isu banjir kilat di negara ini. KPKT akan mengeluarkan arahan pemakaian PISMA di dalam proses pembangunan tanah terutama dalam proses kelulusan kebenaran merancang dan di peringkat kajian semula rancangan tempatan.

MPFN Ke-41 juga telah bersetuju dengan **Cadangan Memperkuuh Industri Penternakan Ayam** melalui penerimapaikan Garis Panduan Perancangan Ladang Penternakan Ayam yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan melalui PLANMalaysia. Cadangan pengukuhan ini juga melibatkan pelaksanaan Pekeliling JKPTG Bil. 1/2003 untuk memudah cara proses pembangunan ladang penternakan ayam dari aspek urusan tanah di mana PBN disyor untuk menyediakan panduan khas pelaksanaan Pekeliling berkenaan. Selain itu,

Prosedur OSC 3.0 Plus juga ditambah baik dengan meminimumkan hanya lima (5) agensi sahaja yang wajib dirujuk untuk mendapatkan kelulusan.

MPFN Ke-41 juga telah menerima cadangan **Keperluan Penetapan 10% Keluasan Tanah Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan**. Penetapan 10% keluasan tanah sumber makanan negara ini (yang terdiri daripada kawasan jelapang padi dan luar jelapang, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Tanaman, TKPM Penternakan dan Zon Industri Akuakultur) adalah penting untuk meningkatkan kadar sara diri (SSR) pengeluaran agromakanan dan mengurangkan kebergantungan terhadap import sumber makanan ke arah keterjaminan berterusan sumber makanan negara.

Dari segi ranking negara dalam Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) 2022, Malaysia berada di tangga ke-41 daripada 113 buah negara, iaitu yang kedua dalam kalangan negara ASEAN selepas Singapura (kedudukan ke-28). Mesyuarat bersetuju agar pengiraan 10% ini turut mengambil kira sumbangan keluasan daripada Negeri Sabah dan Sarawak. Mesyuarat juga menyarankan supaya fokus diberikan kepada **peningkatan produktiviti agromakanan** berbanding peningkatan keluasan kawasan pertanian, terutama bagi negeri-negeri yang mempunyai kawasan pertanian yang luas.

#MalaysiaMADANI  
#StrongerTogether  
#DemiPertiwi  
#UnityInDiversity

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. I-KPKT. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon: 03-8891 5551 Faks: 03-8891 55571 E-mel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

